


2020



(2020)

Penanda aras universiti pada peringkat antarabangsa

➔ Peningkatan pelaburan membolehkan universiti tingkat kerjasama antarabangsa, penyelidikan strategik dan perkongsian industri

■ Kuala Lumpur

Kejayaan universiti awam (UA) di negara ini untuk menempatkan diri dalam senarai ranking universiti dunia dilihat sebagai satu penanda aras untuk institusi pendidikan terus menunjukkan kecemerlangan pada peringkat antarabangsa.

Universiti Malaya (UM) yang berjaya menduduki tangga ke-70 universiti terbaik dunia berdasarkan Quacquarelli Symonds World University Ranking (QS-WUR) 2020, baru-baru ini jelas menunjukkan universiti tempatan juga mampu bersaing dengan universiti antarabangsa.

UM memperlihatkan peningkatan konsisten dan mantap dalam pengiktirafannya sebagai satu daripada universiti terkemuka di dunia dalam bidang pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, inovasi serta pengantarabangsaan apabila memperbaiki kedudukan di tangga 70 berbanding 87 pada tahun sebelumnya.

Naib Canselor UM, Datuk Ir (Dr) Abdul Rahim Hashim,

berkata beliau gembira dan berbangga dengan pencapaian diperoleh universiti itu, malah kejayaan terbabit menjadi penanda aras untuk meletakkan UM sebagai antara universiti cemerlang pada peringkat antarabangsa sekali gus meningkatkan taraf pendidikan tinggi di negara ini.

Katanya, pencapaian itu sejarar dengan misi memastikan UM diiktiraf sebagai institusi pengajian tinggi pada peringkat antarabangsa dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan serta inovasi.

"UM berjaya mengekalkan peningkatannya dalam menghadapi cabaran fiskal, kebijaksanaan dan nilai peningkatan sokongan kewangan daripada kerajaan untuk mencapai kecemerlangan dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan serta inovasi pada masa akan datang.

Kekalkan kedudukan

"Peningkatan pelaburan akan membolehkan universiti meningkatkan kerjasama antarabangsa, mempertingkatkan penyelidikan strategik dan perkongsian industri sekali gus meningkatkan kebolehpasaran siswazah yang menjadi keutamaan universiti."

Abdul Rahim berkata, menerusi sokongan berterusan Kementerian Pendidikan (KPM), beliau berharap UM dapat terus mengekalkan kedudukan sebagai universiti utama dan berprestij di Malaysia serta terus melakar kecemerlangannya pada peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) turut



Dr Abdul Rahim Hashim



Prof Aini Ideris



Dr Khalid Yusoff

membuat lonjakan tertinggi pada edisi kali ini membabitkan peningkatan sebanyak 43 tangga apabila berada di kedudukan ke-159.

Lonjakan tertinggi

Naib Canselornya, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata dengan lonjakan itu, UPM mencatatkan kedudukan ke-159 universiti terbaik dunia dan universiti kedua terbaik dalam negara.

Katanya, UPM juga mencatatkan indikator 'Pelajar Antarabangsa' tertinggi dalam negara dengan menduduki ranking 135 dunia bagi indikator itu, diikuti oleh UCSI University (142) dan Taylor's University (162).

"Secara keseluruhan, ini adalah pencapaian terbaik UPM sejak penyertaan pertamanya dalam ranking ini selepas mencatat prestasi kenaikan selama enam tahun berturut-turut," katanya.

UPM juga mencapai sasaran untuk berada dalam senarai 200 universiti terbaik dunia QS melalui inisiatif PutraÆGlobal 200 (PG200), yang menjadi aspirasi penting dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020.

Prof Aini berkata, pencapaian cemerlang itu membolehkan UPM menetapkan matlamat baharu dalam pelan transformasinya, selaras dengan peranan universiti dan asas-asas pendidikan.

"Walaupun pada tahun ini indikator pelajar antarabangsa UPM tertinggi dalam negara tetapi lonjakan tertinggi indikator UPM ialah pada indikator Reputasi Majikan. Ini menandakan bahawa pelajar, penyelidikan

dan aktiviti pengembangan kami mendapat pengiktirafan daripada industri," katanya.

Usaha menyeluruh

Aini berkata, komitmen berterusan UPM dalam membina rangkaian antarabangsa yang kukuh menjadikan UPM mampu menarik pelajar, penyelidik dan staf akademik bertaraf antarabangsa.

"Semua peningkatan ini adalah disebabkan oleh usaha bersama semua warga UPM dengan sokongan kuat daripada pelbagai peringkat pekerja yang memberikan nilai organisasi yang kukuh ke atas kecemerlangan kepelbagaian, kemampuan, dan integriti di UPM," kata Aini.

Beliau berkata, UPM akan terus berusaha memperbaiki kelemahan, meningkatkan kekuatan dan mengambil pendekatan strategik untuk meningkatkan prestasi keseluruhan. Kami akan terus melaksanakan usaha berstruktur untuk menanda aras amalan dan prestasi kami dengan universiti terbaik dunia.

Naib Canselor dan Presiden Universiti UCSI, Prof Kanan Datuk Dr Khalid Yusoff, berkata pencapaian terkini itu adalah hasil daripada usaha menyeluruh semua pihak untuk memastikan kecemerlangan dan prestasi universiti.

"Saya berterima kasih kepada semua kakitangan dan pelajar atas kepercayaan mereka terhadap universiti dan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan bagi memastikan peningkatan dan kemajuan prestasi universiti," katanya.